

Pendekatan mesra syarikat 'liat' daftar bayar SST

➔ Kerajaan beri tempoh jika masih degil, tindakan punitif akan diambil

BH 16/11/18

■ Kuala Lumpur

Pendekatan lebih mesra, berbanding tindakan punitif akan diambil terhadap syarikat yang 'liat' mendaftar untuk membayar Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata pendekatan lebih

berperikemanusiaan, diplomasi dan mendidik akan digunakan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) susulan pelaksanaan SST, berkuat kuasa 1 September lalu.

"Buat masa ini, kita masih nasihat semua syarikat supaya segera mendaftar (bayar SST) dan jika usaha itu gagal, JKDM tidak mengambil tindakan dulu.

"Kita bagi tempoh dan sekiranya masih degil, tindakan punitif akan diambil, malah JKDM tidak akan memberi pengecualian terhadap mana-mana syarikat daripada pembayaran SST.

"Pengecualian hanya diberi jika ada sebab istimewa akan diberi kepada industri atau sektor perniagaan supaya kita boleh bagi insentif untuk meningkatkan daya saing.

"Pada masa sama (pengecualian) akan menggalakkan kadar eksport," katanya menjawab soalan tambahan Hasanuddin Mohd Yunus (PH AMANAH-Hulu Langat) pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Minta perincian syarikat dikenakan tindakan

Hasanuddin meminta perincian mengenai jumlah syarikat yang dikenakan tindakan kerana tidak mendaftar SST, selain alasan diberi kerana gagal berbuat demikian.

Menjawab soalan asal Datuk Takiyuddin Hassan (PAS-Kota Bharu) berhubung perangkaan syarikat yang berdaftar dalam sistem SST, Guan Eng berkata, sebanyak 92,682 perniagaan sudah berbuat demikian hingga 23 Oktober lalu.

"Daripada bilangan itu, se-

banyak 57,298 berdaftar mengikut cukai perkhidmatan, manakala 35,384 ialah berdasarkan cukai jualan.

"Mana-mana peniaga yang menepati syarat perlu berdaftar mengikut cukai jualan berdasarkan Seksyen 12 Akta Cukai Jualan 2018 dan cukai perkhidmatan bersandarkan Seksyen 12 Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

"Peniaga yang gagal berdaftar boleh didenda tidak melebihi RM30,000 atau pemiliknya boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

"Bagi peniaga yang mengelak membayar cukai pula boleh dikenakan kompaun sebanyak tidak melebihi 50 peratus daripada nilai denda maksimum sekiranya disabitkan kesalahan," katanya.

